

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **Puan Siti Zailah**
binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah halangan utama sehingga tertangguh begitu lama pembinaan Tebatan Banjir Sungai Golok di Rantau Panjang sedangkan sebelah Negara jiran Thailand sudah hampir siap.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok Fasa I yang berjumlah RM345 juta namun ianya tidak diluluskan. JPS akan memohon semula peruntukan ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Pelaksanaan kerja-kerja ini bergantung kepada kelulusan peruntukan tersebut.

Sekian, terima kasih.